

KOPETRO RASMI CAWANGAN ARRAHNUKITA BANGI



BANGI, 13 Mei 2023 - Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad (KOPETRO) mengembangkan rangkaian perniagaan perkhidmatan pajak gadai milik mereka, ArRahnuKita dengan merasmikan cawangan terbaharu yang terletak di Seksyen 9, Bandar Baru Bangi, Selangor, semalam. Mula beroperasi sejak 28 Februari yang lalu, ArRahnuKita Bangi merupakan cawangan kedua perkhidmatan pajak gadai patuh syariah milik koperasi itu.

Pengerusi KOPETRO, Roslan Abdul Rahim berkata, kejayaan membuka cawangan kedua ArRahnuKita adalah bukti komitmen KOPETRO terhadap anggota-anggota koperasi dalam meluaskan rangkaian perniagaan sedia ada demi memberikan pulangan dividen yang lebih lumayan.

KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD

Blok B-3-15, Megan Avenue II, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2161 1990 / Fax: +603-2161 1914

“Setelah tercapainya objektif KOPETRO untuk mengoperasikan sebuah perkhidmatan pajak gadai ArRahnuKita tahun lalu, Alhamdulillah, kita berjaya mengorak selangkah lagi ke hadapan hari ini dengan perasmian cawangan kedua perniagaan ini,” ujar beliau dalam ucapannya di Majlis Perasmian ArRahnuKita Bangi.



“Masyarakat kini lebih peka dan menyedari kelebihan membuat simpanan dan pelaburan jangka masa panjang dengan emas. Melihat kepada situasi semasa, di mana dunia sedang menghadapi kenaikan kadar inflasi yang semakin membimbangkan, emas menjadi jalan penyelesaian terbaik bagi orang ramai untuk membuat simpanan, pelaburan dan modal perniagaan,” tambah Roslan.

Jelasnya, ArRahnuKita bercadang membuka empat lagi cawangan dan sedang mencari lokasi-lokasi yang sesuai untuk mengembangkan rangkaian perniagaan perkhidmatan pajak gadai itu. Beliau berucap pada majlis perasmian yang dihadiri Anggota-anggota

KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD

Blok B-3-15, Megan Avenue II, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

Tel: +603-2161 1990 / Fax: +603-2161 1914



[f @KOPETROBERHAD](#) [i KOPETRO TV](#) [w www.kopetro.com.my](#)

Lembaga Koperasi, perwakilan-perwakilan, anggota-anggota Jawatankuasa Audit Dalam dan barisan pengurusan KOPETRO.



Menurut Tuan Haji Shamsudin Haron, Ketua Bahagian Keanggotaan dan Servis Kewangan yang bertanggungjawab di dalam menerajui perniagaan ArRahnuKita, selain cawangan di Sungai Besi dan Bangi, cawangan ArRahnuKita di Ampang juga sudah pun memulakan operasinya bulan ini.

Tambahnya, pihaknya berinspirasi untuk menjadikan ArRahnuKita sebuah perkhidmatan pajak gadai emas yang menjadi contoh kepada ArRahnu lain dengan menawarkan perkhidmatan yang mesra pelanggan dan sebuah jenama pilihan yang dipercayai.

KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD

Blok B-3-15, Megan Avenue II, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2161 1990 / Fax: +603-2161 1914



ArRahnukita merupakan satu skim pajak gadai emas yang berlandaskan syariah Islam di mana cawangan pertama perkhidmatan itu beroperasi sejak tahun 2022 di Medan Niaga Tasik Damai, Sungai Besi.



Pembiayaan Ar-Rahnu adalah produk pembiayaan yang membenarkan barang kemas dijadikan sebagai cagaran untuk dijadikan wang tunai. Pembiayaan yang dijalankan ArRahnukita adalah berlandaskan Konsep Syariah Tawarruq dan terbuka kepada semua bangsa dan agama.

KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD

Blok B-3-15, Megan Avenue II, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2161 1990 / Fax: +603-2161 1914





100 EMAS
100 PEMENANG

Cagar emas bernilai minimum RM5,000 dan berpeluang memenangi wafer emas*

Kempen berakhir
1 Januari 2023 - 30 Jun 2023

	BULAN MENCAGAR	BULAN PENGUMUMAN
PUSINGAN 1	Januari	Julai
PUSINGAN 2	Februari	Ogos
PUSINGAN 3	Mac	September
PUSINGAN 4	April	Oktober
PUSINGAN 5	Mei	November
PUSINGAN 6	Jun	Disember

*** TERMA & SYARAT**

1. Cagaran emas mestilah bernilai minimum RM5,000.
2. Penebusan cagaran emas tidak boleh dilakukan dalam tempoh 6 bulan.
3. Pemenang akan dipilih melalui cabutan bertuah.
4. Pemenang akan diumumkan secara pusingan mengikut bulan mula mencagar.

@ARRAHNUKITA **Tertakluk terma & syarat*

Dimiliki oleh Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad (KOPETRO)

ArRahnukita juga mampu memberi persepsi yang positif terhadap masyarakat malah dapat membantu mengatasi masalah kewangan dan menawarkan tempat penyimpanan barangan kemas yang selamat dan terjamin. ArRahnukita menerima semua jenis barang kemas dengan mutu emas 750 sehingga 999, iaitu bersamaan 18 karat sehingga 24 karat. Bukan itu sahaja barang kemas yang berbentuk permata, rose gold, jongkong emas dan syiling emas juga diterima.

Menarik buat pelanggan, ArRahnukita menawarkan peluang untuk memenangi bar atau wafer emas selepas tempoh enam bulan apabila pelanggan mencagar emas di ArRahnukita dengan nilai minimum RM5,000 sebelum 30 Jun 2023. 100 orang bertuah bakal memenangi cabutan bertuah ini di mana pemenang bakal diumumkan secara bulanan bermula Julai ini.

KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD
Blok B-3-15, Megan Avenue II, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2161 1990 / Fax: +603-2161 1914





Cagar emas untuk tunai

MARGIN PEMBIAYAAN

SEHINGGA **80%***

Pembiayaan terkumpul sehingga **RM300,000***

Menerima pelbagai jenis

- Barang kemas mutu 18k-24k*
- Bar & syiling emas mutu 22k-24k*

Pengujian percuma emas & bar emas tanpa buka seal*

Terbuka kepada warganegara & bukan warganegara

CCRIS/CTOS/ Senarai hitam layak menggadai

  @ARRAHNUKITA

No 42-G-01, Jalan Medan PB2, Seksyen 9, Pusat Bandar Baru Bangi, Selangor

**Tertakluk terma & syarat*

Dimiliki oleh Koperasi Kakitangan PETRONAS Berhad (KOPETRO)

ArRahnukita juga menawarkan margin pembiayaan sehingga 80% dari nilai emas atau sehingga RM300,000 nilai terkumpul.

Untuk promosi terkini dan kadar emas terkini daripada ArRahnukita, layari www.arahnuKita.com.my atau ikuti akaun media sosial @ArRahnukita di Facebook dan Instagram atau hubungi hotline ArRahnukita di talian +603-90559839 (Sungai Besi) dan +603-89204518 (Bangi) untuk sebarang maklumat lanjut mengenai perkhidmatan ArRahnukita.

KOPERASI KAKITANGAN PETRONAS BERHAD

Blok B-3-15, Megan Avenue II, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: +603-2161 1990 / Fax: +603-2161 1914

